

08/12/2001

MB sahkan susun semula portfolio Exco

KANGAR, Jumaat - Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, mengesahkan rombakan terhadap portfolio Ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri Perlis (Exco) sebelum majlis angkat sumpah pada 12 Disember ini.

"Portfolio Exco ada rombakan, itu saya boleh sahkan, termasuk portfolio saya," katanya di sini, petang semalam.

Beliau bagaimanapun belum membuat keputusan sama ada akan menambah jumlah ahli Exco atau mengekalkan lima orang yang sedia ada.

Perlis kini mempunyai lima ahli Exco iaitu Datuk Ishak Arshad (Agama Islam, Pertanian dan Kepenggunaan); Md Isa Sabu (Pelancongan dan Alam Sekitar); Mohd Hadzi Nordin (Tanah, Perhutanan dan Pembangunan Luar Bandar); Datuk Yazid Mat (Kemudahan Awam, Pelaburan dan Perindustrian) dan Datuk Khor Liang Tee (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Shahidan memegang portfolio Pendidikan, Kesihatan, Pentadbiran dan Kewangan, Belia dan Sukan serta Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Beliau juga memangku tugas Khor yang kini kritikal kerana barah usus.

Sebelum ini, Menteri Besar berkata seorang muka baru, mungkin daripada Umno, sedang dipertimbangkan untuk dilantik menjadi ahli Exco.

Bagaimanapun, katanya, senarai nama ahli Exco baru itu belum diputuskan dan ditetapkan selepas beliau bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini.

Mengenai tuntutan MCA Bahagian Padang Besar supaya melantik Ahli Dewan Undangan Negeri Titi Tinggi, Loh Yoon Foo, sebagai Exco menggantikan Khor, Shahidan meminta tuntutan seperti itu tidak dibuat melalui media.

"Setiap perbuatan yang menentang kepimpinan boleh merugikan diri sendiri," katanya selepas melawat Bazar Ramadan, petang semalam.

Beliau meminta Loh dan penyokongnya bertemu dengannya untuk berbincang dan tidak mengeluarkan kenyataan berbau ugutan.

"Saya nasihat Loh dan penyokongnya berjumpa saya, jangan ugut kata nak letak jawatan. Ini perkara serius," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno negeri, Abu Bakar Ismail, berkata pelantikan ahli Exco adalah hak Menteri Besar dengan nasihat Perdana Menteri.

"Semua pihak perlu menghormati hak itu dan tidak perlu menimbulkan isu," katanya.

(END)